

15/03/1998

Pilihan raya: PM tolak dakwaan DAP

KUALA SELANGOR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menolak ramalan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, kononnya pilihan raya akan diadakan dalam masa enam bulan lagi.

Dr Mahathir berkata, Lim membuat andaian itu berdasarkan kenyataannya awal tahun ini bahawa masalah ekonomi negara mungkin selesai dalam jangka masa enam bulan atau setahun.

"Jadi katanya oleh kerana masalah ekonomi negara mungkin selesai, maka kita akan adakan pilihan raya dalam enam bulan lagi.

"Saya bukan orang yang suka bertaruh dalam perkara ini, tapi kalau Kit Siang nak letak duit 10 sen di sini saya boleh letak dan saya nak gerenti pada dia tak usahlah DAP buat persiapan apa-apa, balik tidur sajalah," katanya.

Ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kuala Selangor di Dewan Sekolah Menengah Agama Kuala Selangor di sini, semalam, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata tindakan Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk mengurangkan pertandingan pada pemilihan kali ini juga tiada kaitan dengan pilihan raya, tetapi untuk mengukuhkan parti.

"Kita hendak supaya parti kita ini kukuh, tumpat dan tidak dapat dipecahkan hanya kerana kita adakan pemilihan untuk memilih pemimpin peringkat cawangan atau bahagian.

"Itu tujuannya, bukanlah kita nak adakan pilihan raya esok, sebulan atau enam bulan lagi," katanya.

Dr Mahathir berkata, dakwaan DAP mengenai pilihan raya itu langsung tidak membantu menyelesaikan masalah ekonomi negara ini, mahupun parti itu sendiri.

"Ini, dia pergi ke sana ke sini buat ucapan tidak menolong sama sekali masalah negara kita. Ini tidak mendatangkan apa-apa faedah walaupun kepada DAP dalam pilihan raya," katanya.

(END)